

Georgetown dilanda banjir kilat

PULAU PINANG 2 Julai - Hujan lebat selama lebih dua jam tengah hari ini mengakibatkan beberapa jalan utama di pusat bandar Georgetown mengalami kesesakan teruk selepas dilanda banjir kilat.

Antara kawasan yang terlibat ialah Jalan Masjid Negeri, Jalan Datuk Keramat, Jalan Burmah, Jalan Perak, Jalan Macalister dan Lebuh Macallum yang dipenuhi ratusan kenderaan yang terperangkap.

Menurut jurucakap bomba dan penyelamat, pihaknya menerima laporan kira-kira pukul 1.30 petang berhubung paras air naik sehingga tiga meter di dua lokasi iaitu Jalan Datuk Keramat berdekatan Hospital Pulau Pinang dan Jalan P. Ramlee.

"Keadaan itu menyebabkan ada penduduk di kawasan rendah terperangkap di dalam rumah masing-masing.

"Setakat ini bantuan telah digerakkan untuk menyelamatkan dua mangsa yang merupakan warga emas dan orang kurang upaya (OKU) ke lokasi lebih selamat," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, tinjauan Utusan Malaysia mendapati kebanyakan pengguna jalan raya mengeluh kerana tergendala ke lokasi masing-masing akibat terperangkap dalam kesesakan jalan raya.

Kakitangan awam, Zuraini Mohd. Zaini, 25, memberitahu, perjalanannya dari Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Jalan Burmah yang biasanya mengambil masa 10 minit hari ini menjadi lebih 30 minit.

"Keadaan ini menyebabkan saya lewat ke tempat kerja," katanya.

Sementara itu, pekerja swasta, Ahmed Najib Mydin, 32, berkata, dia terpaksa menolak motosikalnya ke bengkel kerana enjin gagal

dihidupkan selepas meredah banjir.

"Saya tidak sangka keadaan ini boleh berlaku memandangkan selalunya saya ke tempat kerja menggunakan kereta," ujarnya.



RUMAH di sekitar Jalan P. Ramlee dinaiki air ketika banjir kilat melanda Georgetown selepas hujan lebat lebih dua jam di Pulau Pinang, semalam.